

31 DEC 2001

MCA-Pertemuan

PEMIMPIN TERTINGGI ADA DUA PERTEMUAN BERASINGAN DENGAN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 31 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan sebuah kumpulan yang dikenali sebagai pemimpin Kumpulan B MCA hari ini mengadakan pertemuan secara berasingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat beliau di sini.

Dr Ling menemui Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, pada 3 petang manakala kumpulan itu yang diketuai timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek menemui beliau pada 5 petang.

Turut sama dalam rombongan Lim ialah naib presiden Datuk Chua Jui Meng, Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat dan anggota Jawatankuasa Pusat Datuk Wong Mok Leong.

Dr Ling dan Lim berkata pertemuan itu bertumpu kepada soal pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan yang akan datang.

Dr Ling berkata beliau telah mengemukakan kepada Perdana Menteri senarai calon bagi pilihan raya kecil itu.

"Terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan dan saya telah berbincang secara panjang lebar dengan beliau mengenai calon dan persiapan bagi pilihan raya itu," katanya.

Sambil menyifatkan pertemuan itu berjalan dengan baik, Dr Ling berkata semua pemimpin MCA dari pelbagai puak akan bertemu di Kangar pada 5 Jan untuk membuat persiapan menghadapi pilihan raya berkenaan.

"Setiap pemimpin MCA akan ke sana sebagai satu pasukan," katanya.

Lim berkata pihaknya memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa mereka akan berkerja keras bagi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Beliau juga menyifatkan pertemuan yang diadakan berjalan dengan baik dan membina.

Lim bagaimanapun enggan mengulas apabila ditanya sama ada krisis antara Kumpulan A, yang diketuai Dr Ling, dan Kumpulan B dibangkitkan dalam pertemuan selama sejam itu.

Ditanya adakah akan wujud Kumpulan A dan Kumpulan B bagi pilihan raya kecil berkenaan, beliau berkata: "Tak ada Team A atau Team B."

Pilihan raya kecil Indera Kayangan diadakan berikutan kematian Datuk Khor Liang Tee pada 19 Dis akibat barah usus.

-- BERNAMA

AT AKT SP YBY NAK